



DR Murnizam (tiga kanan) dan Dr Ag Asri (dua kiri) bersama Prof Hiroyuki di Pejabat Pengarah UMSKAL, kelmarin.

Pengarah UMSKAL terima kunjungan

UB 2 April 2016 B6

L A B U A N : P e n g a r a h Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik telah menerima kunjungan hormat Professor Hiroyuki lida dari Japan Advanced Institute of Science and Technology di pejabatnya di Aras 13, Bangunan Menara, kelmarin.

Turut hadir Dekan Fakulti Komputeran dan

Informatik FKI, Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Dekan, Dr Zamhar Iswandono.

Prof Hiroyuki turut mengadakan perbincangan dengan pensyarah FKI di Bilik Mesyuarat Seminar, kelmarin.

Manakala pada hari Khamis lalu, beliau menyampaikan ceramah umum dan berkongsi ilmu bersama pelajar FKI di Podium A, Bangunan

Menara.

Dr Murnizam berharap perkongsian ilmu itu dapat menambah semangat pensyarah dan pelajar untuk meningkatkan imej FKI di peringkat nasional dan antarabangsa.

“Saya mengalukan perkongsian ilmu dengan pensyarah dari dalam dan luar untuk meningkatkan bidang akademik di UMSKAL amnya,” katanya.